

PRUlink dana aman

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana


| | |
|---------------------------------|--|
| Objektif Dana | Untuk menyediakan pengumpulan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam sekuriti hutang Islam yang terpilih. |
| Strategi Pelaburan & Pendekatan | <p>Strategi Pelaburan Melabur dalam sekuriti-sekuriti hutang dan deposit tetap Islam yang terpilih.</p> <p>Pendekatan Pelaburan Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Tujuan mereka adalah untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan aset dan pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada paras yang boleh diterima.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.</p> |
| Peruntukan Aset | Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam instrumen pendapatan tetap patuh-Shariah. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair yang patuh-Shariah. |
| Piawaian Prestasi | Maybank 12 Month Tier 1 Fixed Deposit Rate <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.maybank2u.com.my</i> |
| Pengurus Dana | Eastspring Investments Berhad (531241-U) |
| Yuran & Caj | |
| Caj Pengurusan Dana | 0.5% setiap tahun |
| Caj-caj lain, jika ada | Tiada |

Sila ambil perhatian bahawa dana PRUlink bukanlah produk patuh Syariah dan prestasi pelaburan dana PRUlink tidak dijamin.

PRUlink dana aman

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

| Tahun | Prestasi Dana PRUlink dana aman | Piawaian Prestasi Maybank 12 Month Tier 1 Fixed Deposit Rate |
|-------|---------------------------------|--|
| 2013 | 1.18% | 3.15% |
| 2014 | 3.95% | 3.22% |
| 2015 | 3.54% | 3.30% |
| 2016 | 4.27% | 3.21% |
| 2017 | 4.34% | 3.10% |

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2017

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right) \%$$

Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- Risiko Kadar Faedah
- Risiko Kredit / Kegagalan
- Risiko Kecairan
- Risiko Pasaran
- Risiko Penerbit
- Risiko Pengkelasan-semula Status Syariah
- Risiko Negara
- Risiko Tiada-Pematuhan
- Risiko Penumpuan
- Risiko Syarikat Pengurusan
- Risiko Inflasi
- Risiko Pengurus Pelaburan

PRUlink dana aman

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Pengurusan Risiko

Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluaran bet, kumpulan pengeluaran, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

Maklumat Lain

| | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pasaran Sasaran | <ul style="list-style-type: none">• Pelabur yang mencari pengaliran pendapatan yang stabil• Daya toleransi risiko rendah ke sederhana.• Pengalaman pelaburan dalam jangka masa sederhana ke panjang. |
| <ul style="list-style-type: none">• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian | <ul style="list-style-type: none">• Penghargaan unit dibuat setiap hari.• Harga unit bagi dana PRUlink tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana PRUlink selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.• Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembedaan kos urusan niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit. |
| <ul style="list-style-type: none">• Keadaan-keadaan luar biasa | <ul style="list-style-type: none">• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana PRUlink yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menagguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.• Syarikat mungkin menagguhkan penghargaan unit dan urusan polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penagguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana PRUlink. <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p> |